



20 Mei 2016
20 May 2016
P.U. (A) 129

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH JALAN-JALAN PERSEKUTUAN (PENGURUSAN PERSENDIRIAN) (PUNGUTAN TOL) (LEBUH RAYA PERSEKUTUAN LALUAN 2) (PINDAAN) 2016

FEDERAL ROADS (PRIVATE MANAGEMENT) (COLLECTION OF TOLLS) (FEDERAL HIGHWAY ROUTE 2) (AMENDMENT) ORDER 2016



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JALAN-JALAN PERSEKUTUAN (PENGURUSAN PERSENDIRIAN) 1984

PERINTAH JALAN-JALAN PERSEKUTUAN (PENGURUSAN PERSENDIRIAN)
(PUNGUTAN TOL) (LEBUH RAYA PERSEKUTUAN LALUAN 2) (PINDAAN) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 2 Akta Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) 1984 [*Akta 306*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) (Pungutan Tol) (Lebuh Raya Persekutuan Laluan 2) (Pindaan) 2016**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 12 Januari 2012.

Pindaan Perenggan 2

2. Perintah Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) (Pungutan Tol) (Lebuh Raya Persekutuan Laluan 2) 1993 [*P. U. (A) 372/1993*], yang disebut “Perintah ibu” dalam Perintah ini, dipinda dalam subperenggan 2(1) –

- (a) dengan menggantikan perkataan “Projek Lebuh Raya Utara-Selatan Berhad” dengan perkataan “Projek Lebuh Raya Usahasama Berhad”;
- (b) dengan menggantikan perkataan “1 Januari 2002 hingga 31 Mei 2030” dengan perkataan “12 Januari 2012 sehingga 31 Disember 2038”;
- (c) dengan menggantikan perkataan “ruang (2) Jadual Pertama dan Jadual Pertama—A, tol sebagaimana berkenaan yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Pertama dan Jadual Pertama-A mengikut tahun-tahun konsesi yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama dan Jadual Pertama—A” dengan perkataan “ruang (1) Jadual Pertama dan Jadual Pertama—A, tol sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (2)

Jadual Pertama dan Jadual Pertama—A mengikut tahun-tahun konsesi yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama dan Jadual Pertama—A ”.

Penggantian Jadual Pertama

3. Perintah itu dipinda dengan menggantikan Jadual Pertama dengan Jadual yang berikut:

“JADUAL PERTAMA

[Subperenggan 2(1)]

**KADAR TOL DI PLAZA TOL BATU TIGA BAGI TEMPOH 12 JANUARI 2012 HINGGA
31 DISEMBER 2016**

<i>(1)</i> <i>Kelas Kenderaan</i>	<i>(2)</i> <i>Tol Kena Dibayar</i> <i>(RM)</i>
1. Kenderaan yang mempunyai dua gandar dan tiga atau empat roda (kecuali teksi dan bas)	1.10
2. Kenderaan yang mempunyai dua gandar dan lima atau enam roda (kecuali bas)	1.50
3. Kenderaan yang mempunyai tiga gandar atau lebih (kecuali bas)	2.20
4. Teksi	0.40
5. Bas	0.90

Bagi maksud mengira bilangan gandar dan roda sesuatu kenderaan, gandar dan roda mana-mana treler yang ditarik oleh kenderaan itu hendaklah dikira sebagai sebahagian daripada gandar dan roda kenderaan itu.”